



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PANDANGAN MAHASISWA MELAYU DAN CINA DI LEMBAH KLANG  
TERHADAP PEMBENTUKAN IDENTITI KEBANGSAAN***

**SIAW BING**

**FEM 2021 25**



**PANDANGAN MAHASISWA MELAYU DAN CINA DI LEMBAH KLANG  
TERHADAP PEMBENTUKAN IDENTITI KEBANGSAAN**

Oleh

**SIAW BING**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Januari 2021**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

## **PANDANGAN MAHASISWA MELAYU DAN CINA DI LEMBAH KLANG TERHADAP PEMBENTUKAN IDENTITI KEBANGSAAN**

Oleh

**SIAW BING**

**Januari 2021**

**Pengerusi : Lee Yok Fee, PhD**  
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan keunikan budaya dan kepelbagaian etnik. Setiap kumpulan etnik menganut agama sendiri, mengekalkan kepercayaan dan tradisi serta cara hidup masing-masing. Kewujudan masyarakat berbilang etnik yang mengamalkan kepelbagaian agama dan budaya telah menjadikan keistimewaan Malaysia berbanding dengan negara lain. Namun, kepelbagaian identiti etnik telah menjadi cabaran kepada pembentukan identiti kebangsaan. Hal ini disebabkan setiap kumpulan etnik ingin mempertahankan identiti etnik masing-masing supaya budaya etnik tidak terhakis. Sejak mencapai kemerdekaan, negara Malaysia berusaha untuk membentuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat bagi mencapai perpaduan dan keharmonian. Maka, isu-isu perpaduan etnik sering menjadi cabaran dalam pembentukan identiti kebangsaan semenjak berlakunya peristiwa 13 Mei pada 1969. Dengan itu, kajian ini telah dijalankan dengan tujuan: (i) menerokai pemahaman mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang tentang konsep dan ciri-ciri identiti kebangsaan, (ii) mengenal pasti cabaran utama dalam pembentukan identiti kebangsaan berdasarkan pandangan mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang, (iii) mengenal pasti cadangan mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang bagi membentuk identiti kebangsaan, dan (iv) mengenal pasti perbezaan pandangan antara mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang terhadap ciri-ciri identiti kebangsaan, cabaran dan cadangan dalam pembentukan identiti kebangsaan. Golongan mahasiswa dipilih menjadi kumpulan sasaran kajian disebabkan mereka merupakan generasi yang memberi sumbangan tenaga dan juga harapan negara pada masa akan datang. Mahasiswa Melayu dan Cina telah dipilih kerana kedua-dua kumpulan etnik ini merupakan kumpulan etnik utama di Malaysia.

Dari segi pengumpulan data, kajian ini telah menggunakan pendekatan kaedah gabungan. Pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah perbincangan kumpulan berfokus (FGD) telah dilaksanakan terdahulu untuk menerokai pandangan informan terhadap persoalan kajian. Seterusnya, pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan yang menggunakan borang soal selidik telah dilaksanakan untuk memperoleh pandangan responden. Data yang diperoleh dari FGD telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif. Manakala data yang diperoleh dari tinjauan telah dianalisis secara deskriptif dan ujian t.

Hasil kajian menunjukkan bahawa identiti kebangsaan yang difahami oleh mahasiswa merujuk kepada bahasa, budaya dan peradaban yang diamalkan dalam sesebuah negara telah melambangkan identiti negara. Tambahannya, ciri-ciri tersebut telah menjadikan negara unik berbanding dengan negara lain. Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain telah melambangkan ciri-ciri identiti kebangsaan negara. Kajian ini dapati cabaran yang dihadapi dalam pembentukan identiti kebangsaan ialah kerajaan tidak menerima perubahan dan mempunyai idea sendiri dalam pelaksanaan dasar. Bagi mengatasinya, mahasiswa mencadangkan bahawa pemimpin seharusnya mengutamakan rakyat semasa menggubal dasar-dasar negara agar kehendak dan harapan rakyat boleh dipenuhi. Seterusnya, analisis ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara mahasiswa Melayu dan Cina terhadap ciri-ciri identiti kebangsaan, cabaran dalam pembentukan identiti kebangsaan, dan cadangan dalam pembentukan identiti kebangsaan. Secara keseluruhannya, mahasiswa Melayu lebih prihatin terhadap pembentukan identiti kebangsaan Malaysia berbanding dengan mahasiswa Cina. Justeru, bagi memastikan identiti kebangsaan dapat dipupuk di semua kalangan rakyat, pandangan dan pemahaman rakyat perlu diberi perhatian agar identiti kebangsaan dapat dicapai dengan jayanya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE INSIGHT OF MALAYS AND CHINESE UNIVERSITY STUDENTS IN KLANG VALLEY ON THE FORMATION OF NATIONAL IDENTITY**

By

**SIAW BING**

**January 2021**

**Chair : Lee Yok Fee, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

Malaysia is a unique country with her ethnic diversity and cultural uniqueness. All ethnics have their own religions and cultures practices. This is a privilege of Malaysia if compared with others countries. However, the diversity of ethnic identities has become a challenge to the formation of national identity because each ethnic group wants to maintain their own ethnic identity. After independence, Malaysia has been striving to form a national identity among the citizen for the purpose of unity and harmony among the ethnic groups. And yet, the issue of unity remains a major challenge in the formation of national identity. Therefore, this research was conducted with the objectives: (i) to explore the insights of Malays and Chinese university students in Klang Valley towards the concept and characteristics of national identity, (ii) to identify the challenges in the formation of national identity based on the insights of Malays and Chinese university students in Klang Valley, (iii) to identify the suggestions of Malays and Chinese university students in Klang Valley towards the formation of national identity, and (iv) to identify the difference insights between Malays and Chinese university student in Klang Valley towards characteristics of national identity, challenges and suggestion of the formation of national identity. University students were chosen as target group because they are future generation who contribute energy for our country. While, Malay and Chinese groups were chosen as they are main ethnic groups in Malaysia.

In terms of data collection, this research was conducted by using a mixed method. Firstly, qualitative method which is focus group discussion (FGD) was carried out to explore informants' views on research questions. Next, quantitative method which is survey, was carried out to collect the views of respondents. The data obtained from FGD were classified and coded to form the theme of findings. While the data obtained from survey was analysed by descriptive analysis and t-test.

The finding shows that the concept of national identity was portrayed through culture, language and civilization of a country. In addition, these characteristics made our country different from other countries. Besides, the findings also show that the practice of respect each other has symbolized the characteristics of national identity. This study identified the challenge in the formation of national identity was the government insists in their own ideas in policies implementation. To overcome the challenge, university students suggested that government should be people-oriented in formulating the policies. Moreover, the t-test results show that there is a significant difference between Malay and Chinese students in the characteristics of national identity, challenges in the formation of national identity, and their suggestions in the formation of national identity. Overall, Malay university students are more concerned on national identity compared to Chinese students. Therefore, in order to foster national identity among citizens, the views and insights of people need to be given serious attention.

## PENGHARGAAN

Jutaan penghargaan saya ingin ucapkan kepada pengerusi jawatankuasa penyeliaan saya, Profesor Madya Dr. Lee Yok Fee kerana kesudian beliau yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehingga kajian ini dapat disempurnakan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli jawatankuasa penyeliaan saya iaitu Profesor Madya Dr. Ku Hasnita Ku Samsu dan Profesor Madya Dr. Mohd. Mahadee Ismail yang memberi sokongan dan panduan kepada saya ketika menjalankan kajian ini. Pengetahuan, galakan dan bimbingan yang diberikan oleh pengerusi dan ahli jawatankuasa amat berharga dalam perjalanan penyelidikan ini.

Seterusnya saya ingin mengucapkan penghargaan kepada datuk, nenek, ibu bapa dan adik-beradik saya. Dorongan dan kata-kata semangat yang diberikan sentiasa menyokong saya dalam perjalanan akademik saya. Tanpa sokongan keluarga, saya tidak mampu untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Lau Wei Zhang dan rakan-rakan lain yang banyak membantu dalam menjayakan penyelidikan ini. Akhir sekali, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberi kerjasama dalam menyiapkan tesis ini.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Lee Yok Fee, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ku Hasnita binti Ku Samsu, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Mohd. Mahadee bin Ismail, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor and Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 November 2021

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Lee Yok Fee

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Ku Hasnita  
Ku Samsu

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Mohd.  
Mahadee Ismail

## ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB</b>	
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
1.1	Pengenalan 1
1.2	Pernyataan Masalah 2
1.3	Persoalan Kajian 5
1.4	Objektif Kajian 5
1.4.1	Objektif Am 5
1.4.2	Objektif Khusus 6
1.5	Hipotesis Kajian 6
1.6	Kepentingan Kajian 6
1.7	Orientasi Perspektif Kajian 7
1.8	Skop Kajian 10
1.9	Rumusan 10
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORETIKAL</b>
2.1	Pengenalan 11
2.2	Identiti Kebangsaan 11
2.2.1	Ciri-ciri Identiti Kebangsaan 13
2.3	Pembentukan Identiti Kebangsaan 14
2.3.1	Perspektif Pembentukan Identiti Kebangsaan 14
2.3.2	Teori Pembentukan Identiti Kebangsaan 16
2.3.3	Faktor Pengaruh Pembentukan Identiti Kebangsaan 18
2.4	Pembentukan Identiti Kebangsaan dalam konteks Malaysia 20
2.5	Kesimpulan 22
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>
3.1	Pengenalan 24
3.2	Reka Bentuk Kajian 24
3.3	Proses Kajian 25
3.4	Lokasi Kajian 26

3.5	Populasi, Saiz Sampel dan Pensampelan	27
3.6	Instrumen Kajian	29
3.7	Kajian Rintis	30
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen	30
3.9	Ujian Kenormalan Data	31
3.10	Analisis Data	31
3.11	Etika Penyelidikan	32
3.12	Kesimpulan	33
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	34
4.2	Latar Belakang Informan dan Responden	34
	4.2.1 Profil Demografi Informan	34
	4.2.2 Profil Demografi Responden	35
	4.2.2.1 Jantina dan Etnik	36
	4.2.2.2 Agama	37
	4.2.2.3 Umur	37
	4.2.2.4 Taraf Pendidikan Tertinggi	38
	4.2.2.5 Kategori Universiti dan Aliran Pendidikan	39
4.3	Pemahaman Mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang tentang Konsep dan Ciri-ciri Identiti Kebangsaan	39
	4.3.1 Konsep Identiti Kebangsaan	40
	4.3.1.1 Dapatan FGD	40
	4.3.1.2 Dapatan Tinjauan	43
	4.3.1.3 Ringkasan Bahagian	44
	4.3.2 Ciri-ciri Identiti Kebangsaan	45
	4.3.2.1 Dapatan FGD	45
	4.3.2.2 Dapatan Tinjauan	49
	4.3.2.3 Ringkasan Bahagian	50
	4.3.3 Rumusan Konsep dan Ciri-ciri Identiti Kebangsaan	50
4.4	Cabaran Utama dalam Pembentukan Identiti Kebangsaan Berdasarkan Pandangan Mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang	51
	4.4.1 Dapatan FGD	51
	4.4.2 Dapatan Tinjauan	57
	4.4.3 Ringkasan Bahagian	59
4.5	Cadangan Mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang bagi Membentuk Identiti Kebangsaan	60
	4.5.1 Dapatan FGD	60
	4.5.2 Dapatan Tinjauan	65
	4.5.3 Ringkasan Bahagian	66

4.6	Perbezaan Pandangan antara Mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang terhadap Ciri-ciri Identiti Kebangsaan, Cabaran dan Cadangan dalam Pembentukan Identiti Kebangsaan	68
4.6.1	Perbezaan Pandangan Terhadap Ciri-ciri Identiti Kebangsaan	68
4.6.2	Perbezaan Pandangan Terhadap Cabaran dalam Pembentukan Identiti Kebangsaan	69
4.6.3	Perbezaan Pandangan Terhadap Cadangan dalam Pembentukan Identiti Kebangsaan	70
4.6.4	Ringkasan Bahagian	71
4.7	Rumusan	71
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	73
5.2	Ringkasan Kajian	73
5.3	Implikasi Kajian	75
5.3.1	Implikasi Praktikal	75
5.3.2	Implikasi Teoretikal	76
5.4	Cadangan	76
	<b>RUJUKAN</b>	78
	<b>LAMPIRAN</b>	90
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	97
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	98

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Statistik Mahasiswa Berdasarkan IPTA	27
3.2	Statistik Mahasiswa Berdasarkan IPTS	28
3.3	Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	31
3.4	Nilai Skewness dan Kurtosis	31
4.1	Latar Belakang Informan	35
4.2	Latar Belakang Responden	35
4.3	Konsep Identiti Kebangsaan	44
4.4	Ciri-Ciri Identiti Kebangsaan	50
4.5	Cabaran dalam Pembentukan Identiti Kebangsaan	58
4.6	Cadangan dalam Pembentukan Identiti Kebangsaan	66
4.7	Perbezaan Pandangan Antara Mahasiswa Melayu Dan Cina Terhadap Ciri-Ciri Identiti Kebangsaan	69
4.8	Perbezaan Pandangan Antara Mahasiswa Melayu Dan Cina Terhadap Cabaran dalam Pembentukan Identiti Kebangsaan	70
4.9	Perbezaan Pandangan Antara Mahasiswa Melayu Dan Cina Terhadap Cadangan dalam Pembentukan Identiti Kebangsaan	71

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Aplikasi Konsep Liminaliti Turner (1969)	9
3.1	Proses Kajian	26
4.1	Latar Belakang Responden Mengikut Agama	37
4.2	Latar Belakang Responden Mengikut Umur	38
4.3	Latar Belakang Responden Mengikut Taraf Pendidikan Tertinggi	39

## SENARAI SINGKATAN

APU	<i>Asia Pacific University of Tenology &amp; Innovation</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DKK	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
FGD	Perbincangan Kumpulan Berfokus
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
IUKL	Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
UEC	Sijil Peperiksaan Bersama
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan keunikan budaya dan kepelbagaian etnik. Rakyatnya terdiri daripada tiga kumpulan etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India. Jabatan Perangkaan Malaysia (2019) menunjukkan jumlah penduduk dianggarkan seramai 32.60 juta orang yang terdiri daripada 29.40 juta orang warganegara dan 3.20 juta orang bukan warganegara. Warganegara Malaysia terdiri daripada golongan Bumiputera iaitu seramai 20.38 juta orang (69.30%), Cina seramai 6.70 juta orang (22.80%), India seramai 2.03 juta orang (6.90%) dan lain-lain penduduk seramai 0.29 juta orang (1.00%). Golongan bumiputera terdiri daripada etnik Melayu dan bumiputera lain seperti orang Asli di Semenanjung dan Kadazandusun, Bidayuh, Melanau dan suku bumiputera lainnya di Sabah dan Sarawak (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017). Kumpulan etnik Melayu merupakan kumpulan etnik terbesar iaitu 63.1 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015).

Dari segi agama, setiap kumpulan etnik bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), dapatan banci penduduk dan perumahan Malaysia menunjukkan agama Islam merupakan agama yang paling meluas dianuti di kalangan rakyat, iaitu sebanyak 61.3 peratus. Seterusnya, agama lain yang dianuti oleh rakyat yang berbilang etnik ialah Buddha (19.8%), Kristian (9.2%) dan Hindu (6.3%). Kewujudan masyarakat berbilang etnik yang mengamalkan kepelbagaian agama dan budaya telah menjadikan Malaysia istimewa berbanding dengan negara lain seperti Jepun (Suraiya, 2005) dan Korea (Kim, 2018), di mana masyarakatnya adalah bersifat homogen dari segi bahasa dan budaya (Kim, 2018 dan Suraiya, 2005).

Kepelbagaian etnik, agama dan budaya telah mempamerkan keunikan Malaysia. Namun, kepelbagaian ini kemudiannya menjadi cabaran kepada pembentukan identiti kebangsaan dan perpaduan kebangsaan (Abd Aziz, Farrah Wahida, Aimi Khairunnisa & Nurliana, 2017). Setiap kumpulan etnik ingin mempertahankan identiti etnik masing-masing seperti mengamalkan agama, budaya dan bahasa sendiri supaya identiti etnik tidak terhakis. Ani (2017) mengatakan bahawa rakyat Malaysia yang berbilang etnik ingin mempertahankan identiti mereka yang tersendiri. Hal ini menjadi cabaran dalam memupuk perpaduan dan integrasi antara etnik bagi merealisasikan matlamat perpaduan kebangsaan.

Menurut Zawiah dan Mashitah (2017), kedatangan orang Cina dan India bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Lokasi Tanah Melayu yang strategik menjadi pusat perdagangan entrepot dan aktiviti keagamaan dari Arab, Cina, India dan lain-lain. Kedatangan orang Cina dan India secara besar-besaran adalah pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 semasa penjajahan British (Ho, 2017). British telah menggalakkan kedatangan orang Cina dan India tanpa kawalan dengan tujuan mengeksploitasi sumber alam di Tanah Melayu seperti mengusahakan bijih timah dan ladang getah. Penjajahan British yang menjalankan amalan pecah dan perintah telah mengasingkan masyarakat mengikut zon kemakmuran ekonomi yang menyebabkan ketiadaan peluang untuk masyarakat pelbagai etnik berinteraksi. Menurut Al-Amril (2015), British telah membentuk dikotomi yang jelas iaitu orang Melayu diperuntukkan kuasa politik manakala orang Cina diperuntukkan kelebihan ekonomi di Tanah Melayu. Dari segi sektor penempatan, majoriti orang Melayu hidup di luar bandar, orang Cina pula ditempatkan di kawasan perlombongan, manakala orang India tinggal di ladang estet. (Abd Aziz et al., 2017). Tambahnannya, kawasan perlombongan yang kemudiannya berkembang menjadi bandar menyebabkan orang Cina berpeluang melibatkan diri dalam perniagaan dan lebih maju berbanding dengan etnik yang lain. Ketidakeimbangan ini menyebabkan perasaan tidak puas hati di kalangan etnik Melayu terhadap penguasaan Cina dalam ekonomi (Ho, 2017; Mohamed Ali dan Mohammad Redzuan, 2012).

Penjajahan British telah menyumbang kepada polarisasi etnik (Abraham, 1997) dan isolasi satu etnik daripada etnik yang lain sehingga berlakunya ketegangan dan ketidakstabilan hubungan etnik (Abd Aziz et al., 2017). Penjajahan British juga telah menebalkan sikap prejudis dan prasangka yang sukar dibendung dalam kalangan etnik Melayu dan Cina (Mohamed Ali dan Ayu Nor Azilah 2017).

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia masih berhadapan dengan isu pergaduhan dan konflik di kalangan Melayu dan Cina (Mansor, 2010). Hal ini disebabkan sikap masyarakat berbangga dengan identiti etnik dan masih mendahulukan identiti etnik masing-masing (Hafizah, 2019 dan Mansor, 2018). Masyarakat ingin mempertahankan identiti etnik tersendiri dari segi agama, bahasa dan budaya (Sinar Harian, 2019; Ani, 2017) dan mementingkan identiti etnik berbanding dengan identiti kebangsaan (Hafizah, 2019; Khalim dan Norshidah, 2010) telah menyukarkan proses pembentukan identiti kebangsaan di kalangan rakyat. Setiap etnik mempunyai agenda tersendiri dan pendirian yang berbeza sehingga terlupa kita sebenarnya adalah rakyat Malaysia (Sinar Harian, 2019).

Lantaran daripada itu, terdapat isu-isu sosial yang berlaku di kalangan masyarakat dilihat sebagai penghalang yang menyukarkan proses pembangunan negara dan pembentukan identiti kebangsaan. Sebagai

contohnya, isu mengenai sekolah jenis kebangsaan. Negara kita yang mempunyai sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dilihat sebagai satu punca yang mengasingkan setiap etnik dalam bentuk pendidikan (Azie, 2019; Mior Khairul Azrin, 2011). Pelajar dari sekolah jenis kebangsaan hanya mampu mempamerkan identiti etnik iaitu penguasaan bahasa ibunda masing-masing dan kurang fasih dengan bahasa kebangsaan (Nozina, 2020). Bahasa kebangsaan telah melambangkan identiti sesebuah negara (Hafizah, 2017). Sehubungan itu, terdapat juga isu mengenai memartabatkan bahasa Melayu bagi memperkukuhkan identiti kebangsaan rakyat (Shamsatun, 2020; Azura, 2019; Nurul Hardeah, 2019 & Siti Fatimah, 2019) agar menjamin bahasa kebangsaan tidak terpinggir susulan perubahan zaman.

Selain daripada isu-isu yang dinyatakan di atas, terdapat juga isu Perlembagaan yang telah menyebabkan pertikaian dan ketegangan di kalangan masyarakat. Hal ini disebabkan perkara-perkara dalam Perlembagaan dianggap menguntungkan dan memberi kelebihan kepada orang Melayu berbanding dengan orang bukan Melayu. Menurut Abdul Halim (2015) dan Nazri Muslim (2018), isu mengenai kedudukan istimewa orang Melayu, agama Islam sebagai agama rasmi dan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi sering menjadi perdebatan dan menimbulkan persoalan di kalangan masyarakat bukan Melayu. Perlembagaan merupakan sumber undang-undang tertinggi sesebuah negara dan seharusnya dipatuhi oleh setiap individu. Justeru, unsur-unsur tradisi ini amat penting dibicarakan kerana ia merupakan faktor penting untuk mewujudkan identiti negara dan memupuk persefahaman ke arah perpaduan (Nazri Muslim, 2015).

Dalam merealisasikan matlamat pembentukan identiti kebangsaan, kerajaan telah memperkenalkan dasar-dasar dan program bagi menyatukan rakyat sejati yang setia pada negara. Antaranya, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 dengan memberi penekanan pada integrasi sosial dan pengagihan pendapatan yang adil di kalangan etnik untuk perpaduan negara. Di samping itu, Rukun Negara sebagai ideologi negara juga diisytiharkan oleh pihak pemerintah negara bagi memperkukuhkan hubungan antara etnik untuk menjamin kestabilan negara.

Selain daripada itu, mantan Perdana Menteri (1981-2003 & 2018-2020), Tun Dr. Mahathir Mohamad mengemukakan idea pembinaan negara bangsa dalam ucapan beliau di Majlis Perniagaan Malaysia pada 28 Februari 1991 (Abdul Rahman Embong, 2006). Beliau menegaskan bahawa antara cabaran utama Wawasan 2020 ialah membentuk Malaysia sebuah negara yang bersatu padu dan menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama. Tambahannya, beliau juga menegaskan bahawa pengabdian yang tidak berbelah terhadap bangsa tersebut. Di samping itu, Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak semasa beliau memegang jawatan Perdana Menteri (2009-2018), telah memperkenalkan Gagasan 1 Malaysia yang bertemakan "rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan" supaya rakyat menerapkan teras perpaduan sebagai budaya dan amalan dan menerapkan nilai aspirasi bagi memacu negara ke arah status negara maju.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam pembentukan identiti kebangsaan untuk mewujudkan perpaduan negara dan menjayakan pembinaan negara bangsa. Walaupun pelbagai usaha merangka perpaduan dan identiti kebangsaan dilaksanakan secara teratur, rakyat masih tidak memegang satu identiti kebangsaan yang jelas. Menurut Wan Norhasniah (2011), identiti kebangsaan yang seharusnya menjadi tulang belakang perpaduan masih kabur kepada masyarakat walaupun negara Malaysia telah lama mencapai kemerdekaan. Hal ini disebabkan program dan dasar-dasar yang dilaksanakan lebih bersifat *top-down*, iaitu idea kerajaan tentang apa yang diinginkan oleh mereka dalam membangunkan negara. Sebagai contohnya, Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) digubal bagi membentuk dan mengekalkan identiti kebangsaan rakyat yang berbilang etnik. Maka, kajian yang dijalankan oleh Abd Samad Kechot didapati bahawa DKK gagal mencapai matlamat pembentukan identiti kebangsaan disebabkan kelemahan penguatkuasaan berkaitan DKK dan kekurangan pemahaman rakyat terhadap dasar negara (Hafizah, 2019). Kerajaan tidak mempunyai gambaran sebenar tentang masalah rakyat di peringkat akar umbi menyebabkan program dan dasar-dasar yang dilaksanakan tidak dapat menepati hasrat dan kehendak rakyat.

Jadi, memandangkan generasi muda merupakan barisan pemimpin dan peneraju negara pada masa hadapan, para sarjana telah menjalankan kajian ke atas generasi muda bagi memastikan kedaulatan dan kemakmuran negara dapat dikekalkan. Misalnya, Liu, Belinda, Colleen dan Sheela (2002) telah menjalankan kajian ke atas 395 orang pelajar sarjana muda di *National University of Singapore* dan Universiti Malaya sebagai responden kajian. Penemuan hasil kajian beliau mendapati bahawa rakyat Malaysia mempunyai identiti etnik yang lebih kuat daripada identiti kebangsaan, terutamanya di kalangan Melayu. Di samping itu, hasil kajian mendapati bahawa rakyat Malaysia lebih cenderung menggambarkan dirinya dari segi etnik manakala rakyat Singapura lebih cenderung menggambarkan dirinya dari segi kewarganegaraan. Keadaan ini amat membimbangkan sebab ketegangan etnik mudah tercetus pada bila-bila masa.

Selain itu, Mohd Yusof, Jawiah, Abd. Latif, Mohd Safar, Noor Aziah, Shamsul Azhar, Rosilawati, Noralina dan Mujahid (2012) menjalankan kajian ke atas pelajar institusi pengajian tinggi awam bagi meneliti tahap identiti kebangsaan pelajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan seramai 800 orang pelajar, hanya 54.6 peratus responden mempunyai tahap identiti kebangsaan yang tinggi. Tambahnannya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap identiti kebangsaan pelajar etnik Melayu berada pada tahap yang agak membimbangkan kerana etnik Melayu mempunyai skor identiti kebangsaan yang lebih rendah berbanding dengan etnik India dan Cina.

Seterusnya, kajian yang dijalankan ke atas 346 orang golongan belia di Sarawak telah menunjukkan bahawa sikap golongan belia yang tidak mementingkan isu-isu berkaitan dengan negara. Golongan belia hanya mementingkan kepentingan peribadi menyebabkan kekurangan perasaan cinta

terhadap negara. Sementara itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa golongan belia tidak prihatin dan peka terhadap isu-isu negara. Keadaan ini telah memberi impak kepada penanaman semangat identiti kebangsaan di kalangan belia (Utusan Borneo Online, 2019). Justeru, generasi muda pada hari ini amat berbeza dengan generasi muda sebelum kemerdekaan yang sangat menghargai semangat kekitaan terhadap negara (Zalmimazura, 2018).

Walaupun kebanyakan sarjana melihat aspek politik dan pendidikan sebagai mekanisme penting dalam pembentukan identiti kebangsaan bagi mencapai keunggulan sesebuah negara (Chew, 2013; Hazri & Santhiram, 2012; Jasbir & Hena, 1993; Bacchus, 1989), terdapat jurang yang ketara dalam kajian yang membincangkan suara dan harapan dari rakyat jelata khususnya generasi muda negara di Lembah Klang. Pandangan rakyat jelata terutamanya golongan mahasiswa harus diambil kira kerana mereka merupakan aset penting dalam pembangunan negara dan pemimpin negara masa hadapan. Menurut Chua, Jasmine Adela dan Lailawati (2016), pemahaman identiti kebangsaan di kalangan masyarakat berbilang etnik amat penting bagi menjalin interaksi sosial dan hubungan etnik. Oleh yang demikian, kajian ini bersifat *bottom-up* akan memfokuskan pandangan mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang terhadap pembentukan identiti kebangsaan dengan mengenal pasti pemahaman mereka terhadap identiti kebangsaan.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Daripada pernyataan masalah yang telah dijelaskan di atas, maka persoalan kajian yang diketengahkan adalah seperti berikut:

1. Bagaimana mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang memahami konsep dan ciri-ciri identiti kebangsaan?
2. Apakah cabaran utama dalam pembentukan identiti kebangsaan berdasarkan pandangan mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang?
3. Apakah cadangan mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang bagi membentuk identiti kebangsaan?
4. Sejauh manakah wujud perbezaan pandangan antara mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang terhadap ciri-ciri identiti kebangsaan, cabaran dan cadangan dalam pembentukan identiti kebangsaan?

### **1.4 Objektif Kajian**

#### **1.4.1 Objektif Am**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pandangan mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang terhadap pembentukan identiti kebangsaan.



### 1.4.2 Objektif Khusus

1. Menerokai pemahaman mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang tentang konsep dan ciri-ciri identiti kebangsaan.
2. Mengenal pasti cabaran utama dalam pembentukan identiti kebangsaan berdasarkan pandangan mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang.
3. Mengenal pasti cadangan mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang bagi membentuk identiti kebangsaan.
4. Mengenal pasti perbezaan pandangan antara mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang terhadap ciri-ciri identiti kebangsaan, cabaran dan cadangan dalam pembentukan identiti kebangsaan.

### 1.5 Hipotesis Kajian

Terdapat hipotesis yang diuji dalam kajian ini yang dibentuk berdasarkan objektif keempat, iaitu:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan pandangan yang signifikan antara mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang terhadap ciri-ciri identiti kebangsaan.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan pandangan yang signifikan antara mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang terhadap cabaran dalam pembentukan identiti kebangsaan.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan pandangan yang signifikan antara mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang terhadap cadangan dalam pembentukan identiti kebangsaan.

### 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai identiti kebangsaan memberi sumbangan kepada beberapa pihak. Melalui hasil kajian ini, diharapkan dapat memberi gambaran umum kepada kerajaan bahawa pemahaman konsep identiti kebangsaan di kalangan rakyat khususnya dalam kalangan generasi muda supaya menilai keberkesanan pelaksanaan program. Oleh sebab kajian ini bersifat *bottom-up*, penemuan kajian seperti cabaran yang dihadapi dalam pembentukan identiti kebangsaan Malaysia dan cadangan untuk mengatasinya berdasarkan pandangan rakyat juga dapat memberi sumbangan kepada pihak kerajaan. Pihak kerajaan dapat mengetahui pandangan daripada rakyat mengenai cabaran yang dihadapi dan cadangan mereka bagi memperbaiki polisi yang sedia ada agar memenuhi keperluan dan kehendak rakyat. Dengan itu, program dan polisi yang sedia ada boleh dilaksanakan ke arah yang lebih mantap.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam mengenal pasti program-program yang dapat memberi pendedahan tentang identiti kebangsaan di Institut

Pengajian Tinggi (IPT) negara. Sebagai tambahan, hasil ini juga berpotensi sebagai input semasa dalam merangka program berkenaan supaya meningkatkan kesedaran mahasiswa mahasiswi tentang kepentingan identiti kebangsaan yang seharusnya dipegang oleh semua rakyat bagi merealisasikan impian negara menjadi sebuah negara bangsa.

Di samping itu, penemuan kajian diharapkan dapat memberi sumbangan ke arah pematapan penghayatan negara di kalangan masyarakat. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kefahaman tentang konsep identiti kebangsaan dan ciri-ciri identiti kebangsaan antara masyarakat yang berbilang etnik. Dapatan kajian diharapkan dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan identiti kebangsaan di kalangan etnik untuk memastikan perpaduan negara. Penyelidik juga berharap penemuan kajian ini dapat menyedarkan masyarakat terutamanya mahasiswa tentang kepentingan pembentukan identiti kebangsaan. Kesedaran ini amat penting dalam kalangan mahasiswa kerana pelajar universiti adalah generasi harapan negara dan bakal pemimpin pada masa akan datang.

Akhirnya, kajian ini juga dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada penyelidik akan datang yang menjalankan kajian berkaitan dengan identiti kebangsaan. Segala cabaran dan cadangan dalam pembentukan identiti kebangsaan boleh dijadikan pedoman kepada penyelidik akan datang untuk memantapkan kajian mereka.

## 1.7 Orientasi Perspektif Kajian

Kajian ini menggunakan konsep liminaliti Turner (1969) dalam memahami proses pembentukan identiti kebangsaan dalam konteks wacana politik dari sudut pandangan bawah (*bottom-up*). Konsep ini diaplikasikan kerana ia dapat memberi gambaran yang jelas mengenai pemahaman mahasiswa Melayu dan Cina di Lembah Klang tentang identiti kebangsaan, cabaran dalam pembentukan identiti kebangsaan dan cadangan untuk mengatasinya bagi mencapai matlamat pembentukan identiti kebangsaan.

Konsep teoretikal liminaliti diperkenalkan oleh Arnold van Gennep dalam karyanya "Rites of Passage" pada tahun 1960 yang mencadangkan model ritual merangkumi tiga tahap, iaitu pengasingan (*separation*), margin (*limen*) dan penggabungan (*aggregation*). Model ini sebagai satu indikator untuk melihat peralihan dari satu status atau keadaan sosiobudaya ke status yang baru. Sebagai contohnya dari kanak-kanak ke orang dewasa, bujang ke perkahwinan, tiada anak hingga menjadi ibu bapa dan lain-lain lagi. Perubahan status ini sering ditandai sebagai perubahan peranan penting dalam kehidupan seseorang (Noble dan Walker, 1997; Turner, 1979; Hockey, 2002 & Beech, 2011).

Seterusnya, model ini telah dipopularkan oleh ahli antropologi, Victor Turner (1969) yang mengadaptasikan konsep van Gennep dengan memperluaskan konsep liminaliti. Menurut Turner (1969), istilah liminaliti berasal dari perkataan Latin, iaitu limen, yang bermaksud *threshold*, di mana sesuatu keadaan atau proses di antara sifat ada dengan sifat tidak ada (*betwixt-and-between*). Tahap liminaliti adalah fasa tengah dalam peralihan sosial dan budaya kerana ia menandakan sifat ada dengan sifat tidak ada semasa individu memasuki keadaan baru. Oleh itu, individu akan mengalami ketidakpastian dan ketegangan pada tahap ini kerana mereka berada di antara tahap pengasingan dan penggabungan.

